

Pengenalan Universiti Wakayama

Yap Chee Ean

Universiti Wakayama merupakan satu-satunya universiti kebangsaan di Wakayama, terletak di bahagian Kansai. Kampus dikelilingi bukit-bukau dan alam semulajadi yang hijau. Pemandangan alam berubah mengikut musim sepanjang tahun.

Universiti ini ditubuhkan sebagai universiti kebangsaan sejak tahun 1949, terdiri daripada Fakulti Ekonomi, Fakulti Pendidikan, Fakulti Kejuruteraan dan Fakulti Perlancongan. Pelajar-pelajar dapat memilih kos daripada bidang-bidang yang berbeza dan dapat menimba pelbagai ilmu pengetahuan melalui sistem pendidikan yang berkualiti.

Baru-baru ini, kerajaan Jepun telah melancarkan Program 300 ratus ribu Pelajar Luar Negara. Universiti Wakayama juga berusaha untuk menerima lebih banyak pelajar daripada seluruh dunia. Salah satu usahanya adalah menuahkan International Education Research Centre pada tahun 2004. Kini, Universiti Wakayama sedang menjalankan perjanjian program pertukaran pelajar dengan 30 buah universiti daripada 11 negara.

Di universiti ini, berbagai-bagai jenis kelas seperti kelas Bahasa Jepun disediakan kepada pelajar luar negara untuk meningkatkan tahap penguasaan Bahasa Jepun dan pengetahuan mengenai budaya Jepun. Selain itu, pelajar luar negara juga berpeluang untuk merapatkan hubungan dengan pelajar-pelajar Jepun melalui kelas tersebut.

Di samping itu, Universiti Wakayama juga menyalurkan pelbagai bantuan seperti asrama yang murah untuk meringankan beban pelajar luar negara. Selain daripada itu, sukarelawan pelajar Jepun juga ditugaskan sebagai tutor untuk membantu pelajar luar negara menyelesaikan masalah-masalah hidupan dan pelajaran. Tambahan pula, badan sukarelawan juga ditubuhkan di Wakayama demi menjaga kebajikan pelajar luar negara.

Sekarang, terdapat kira-kira 150 orang pelajar daripada pelbagai negara termasuk Amerika, Perancis, China, Malaysia dan lain-lain lagi. Hubungan antara pelajar-pelajar ini sangat akrab dan sentiasa tolong-menolong antara satu sama lain. Pada hari cuti, organisasi sukarelawan juga ada mengadakan parti atau lawatan tempat bersejarah demi pelajar luar negara. Pelajar-pelajar ini menjalani hidupan yang seronok sepanjang berlajar di sini.

Kalau anda juga berminat untuk melanjutkan perlajaran ke Jepun, anda dicadangkan untuk memilih Universiti Wakayama yang menarik ini !